

SUMBANGAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN DI KAMPUNG IBAM



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3050-sumbangan-kepada-mangsa-kebakaran-di-kampung-ibam

KAMPUNG IBAM, 15 Feb 18 – Skuadron 322 TUDM Bukit Ibam telah menziarahi mangsa kebakaran di Kampung Ibam. Kebakaran berlaku pada 11 Feb 18 di rumah keluarga ibu kepada salah seorang anggota di PU Kuantan, Sjn U Shah Jahan yang merupakan bekas anggota di SKN 322 TUDM Bukit Ibam. Lawatan ini diketuai oleh Pemangku Pegawai Memerintah SKN 322 TUDM Bukit Ibam iaitu Mej Ir. Mohd Syaffian bin Husin TUDM bagi menyampaikan sumbangan kewangan dan keperluan asas. Sumbangan yang dikumpulkan oleh warga SKN 322 TUDM Bukit Ibam itu disampaikan oleh Pemangku Pegawai Memerintah di rumah anggota tersebut.



